

Penguasaan Penulisan dan Bacaan Jawi di kalangan Pelajar UiTM Pahang

Ahmad Amzari Yacob^{1*}, Amminudin Abd. Latif², Mohd. Mawardi Mohd. Kamal³, Normadiana Mohd Hanapi⁴, Mohd Fairuz Bachok⁵

^{1,2,3,4,5}Faculty of Civil Engineering, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,

Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia

amzari@pahang.uitm.edu.my, amminudin738@pahang.uitm.edu.my, mawardikamal@pahang.uitm.edu.my

normadiana@pahang.uitm.edu.my, mohdfairuz@pahang.uitm.edu.my

* Penulis Rujukan

Abstrak: Tulisan Jawi merupakan salah satu warisan Melayu dan ianya adalah tulisan asal Bahasa Melayu yang kini kian pupus. Salah satu kehebatan bahasa Melayu ialah kerana ia satu-satunya bahasa di dunia yang memiliki dua sistem tulisan yang sama kuat iaitu Huruf Jawi dari Timur (Arab) dan huruf Latin dari Barat. Mengapakah keistimewaan ini tidak dikenakan dan taksubnya kita kepada tamadun barat sehingga sanggup mengorbankan tulisan asal bangsa sendiri. Kita berbangga dengan hanya menggunakan satu sistem tulisan sahaja iaitu huruf rumi “Latin” sedangkan sumbangan Islam yang terbesar telah dinafikan dengan sengaja. Wujud perasan fobia ke atas tulisan tersebut dan kemungkinan dianggap kuno dan serba ketinggalan oleh golongan pendidikan barat yang menguasai pemerintahan. Tulisan Jawi adalah tulisan permulaan bahasa Melayu sehingga menjadi ligua franca. Tulisan inilah yang mencetuskan ketamadunan kepada bangsa kita. Terbit ungkapan BAHASA JIWA BANGSA. Tulisan itu beserta khazanahnya mengisi jiwa dan jatidiri bangsa Melayu. Apabila tulisan jawi terhapus, ini bermakna segala khazanah tamadun kita akan hilang daripada bangsa kita terutamanya generasi muda. Artikel ini ditulis untuk melihat sejauh mana penguasaan penulisan dan bacaan tulisan Jawi dikalangan pelajar UiTM. Kajian ini dilakukan melalui instrumen soal-selidik, ujian bertulis dan lisan yang melibatkan seramai 100 responden yang terdiri daripada pelajar UiTM Pahang. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden mempunyai penguasaan penulisan yang baik dan bacaan tulisan Jawi yang sangat baik.

Kata Kunci: Tulisan Jawi, Warisan Melayu

1. Pengenalan

Tulisan Jawi merupakan antara salah satu khazanah warisan bangsa Melayu yang berharga yang masih terdapat pada hari ini (Hisham Musa, 2005). Tulisan Jawi sebenarnya berasal daripada tulisan Arab yang tiba ke Kepulauan Melayu bersama-sama dengan kedatangan agama Islam. Setelah Islam bertapak dengan pesatnya di Tanah Melayu, maka berkembanglah usaha-usaha untuk mempelajari Islam dari sumbernya yang utama iaitu al-Quran dan hadith. Berdasarkan kepada fakta sejarah, pendidikan Islam yang mula-mula diperkenalkan ialah pengajaran al-Quran dan pembelajarannya dimulakan dengan pelajaran mengenal huruf-huruf. Maka untuk memudahkan lagi usaha penyebaran ilmu-ilmu Islam, ulama-ulama dan para mubaligh Islam telah memperkenalkan suatu tulisan huruf yang menyerupai tulisan huruf Arab dikenali sebagai tulisan jawi (Abd Jalil, 2012).

Tulisan Jawi ditulis dari kanan ke kiri, merangkumi 29 huruf Arab dan ditokok dengan 6 huruf yang tiada dalam bahasa Arab, iaitu ca, pa, ga, nga, va dan nya (Niswa Noralina et al., 2013). Tulisan ini telah berkembang sejak zaman Kerajaan Islam Pasai kemudian disebarluaskan ke Kerajaan Melaka, Kerajaan Johor dan juga Aceh pada abad ke-17. Bukti kewujudan tulisan ini di Malaysia adalah dengan terjumpanya Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 702H atau 1303M. Manakala tulisan Rumi yang paling awal ditemui adalah pada akhir kurun ke-19. Ini menunjukkan tulisan Jawi telah sampai ke negara ini lebih awal berbanding tulisan Rumi. Tulisan Jawi merupakan tulisan rasmi bagi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu semasa penguasaan British. Kini tulisan ini digunakan dalam urusan agama Islam dan adat istiadat

Melayu di Malaysia. Pada zaman dahulu, tulisan Jawi memainkan peranan penting dalam masyarakat. Tulisan ini digunakan sebagai perantara penting dalam semua urusan pentadbiran, adat istiadat dan perdagangan. Bahasa Melayu dengan tulisan Jawinya yang berusia hampir 1,000 tahun, berbanding dengan tulisan Rumi yang kita gunakan kurang dari 50 tahun tidak menjanjikan kedudukan tulisan Jawi sebagai tulisan rasmi bahasa Melayu kecuali dalam pendidikan Islam (Hisyam Musa, 2005). Pendidikan Islam adalah satu proses mendidik akal, jasmani dan roh manusia berdasarkan nilai-nilai insaniah yang bersumberkan al-Quran dan al-Hadith, bagi melahirkan manusia yang bertakwa (Nik Rosila Nik Yaacob, 2007). Kini tulisan Rumi telah mendominasi tulisan bahasa Melayu kerana digunakan dalam semua bentuk persuratannya, iaitu sejak tahun 1963 apabila diisytiharkan sebagai tulisan rasmi bahasa Melayu, dan sekali gus meminggirkkan tulisan Jawi (Hisyam Musa et al., 2009).

Tulisan Jawi tidak lagi menjadi bahan pendidikan di sekolah, kecuali untuk segelintir pelajar di sekolah Arab/Agama Islam. Kini ramai anak bangsa kita tidak mahir lagi dalam tulisan Jawi, bahkan ada yang terus menjadi buta Jawi, kerana status dan fungsi tulisan Jawi sudah tidak lagi mempunyai sebarang makna. Jika diteliti secara mendalam, masyarakat Malaysia terutamanya bangsa Melayu tidak banyak menggunakan tulisan jawi. Bahan-bahan yang dicetak dalam tulisan Jawi begitu kurang dan ini antara penyebab kebanyakan kita kurang mahir membaca dan menulis Jawi. Biasanya buku-buku, bahan maklumat, bahan bacaan dan lain-lain dicetak dalam tulisan Rumi, hanya sedikit sahaja yang dicetak dalam tulisan Jawi. Ditambah pula masyarakat kita lebih suka dan selesa menulis dan membaca tulisan Rumi. Budaya penggunaan jawi dalam bidang penulisan dan bahan bacaan juga menyumbang kepada perkembangan sistem tulisan jawi itu sendiri. Oleh yang demikian jika diteliti kebanyakannya tulisan jawi ini dipelopori oleh bangsa Melayu sahaja berbanding dengan bangsa-bangsa lain. Bagi peringkat permulaan, kajian ini dibuat di Uitm Pahang bagi menilai tahap penguasaan penulisan dan pembacaan jawi di kalangan pelajar Melayu Islam. Maka kajian ini dilakukan lebih spesifik dengan tujuan untuk melihat sejauh mana penguasaan penulisan dan bacaan Jawi di kalangan pelajar UiTM Pahang. Hasil dapatan kajian ini boleh digunakan sebagai asas dalam penilaian terhadap penguasaan Bahasa Jawi di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi seterusnya masyarakat di Malaysia.

2. Metodologi

Fokus utama kajian ini adalah berdasarkan soal selidik yang merangkumi tahap pembelajaran tulisan jawi di setiap peringkat sekolah, kekerapan membaca dan kesedaran akan betapa pentingnya pembelajaran tulisan Jawi bagi mengelakkan salah satu warisan Melayu yang berharga. Selain itu juga instrumen kajian yang digunakan ialah ujian penguasaan Jawi yang menguji kemahiran menulis dan membaca Jawi. Borang soal selidik kajian ini telah diedarkan kepada 100 responden yang terdiri daripada 100 pelajar UiTM Pahang dan diuji kemahiran menulis dan membaca tulisan Jawi. Setiap data daripada ujian kemahiran membaca dan menulis Jawi akan dikategorikan kepada lima tahap pencapaian seperti dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Tahap pencapaian pelajar bagi kemahiran menulis dan membaca

| Tahap Pencapaian | Peratus , (%) |
|------------------|---------------|
| 1. Sangat Baik | 80 – 100 |
| 2. Baik | 60 – 79 |
| 3. Sederhana | 40 – 59 |
| 4. Lemah | 20 – 39 |
| 5. Sangat Lemah | 0 – 19 |

3. Keputusan dan Perbincangan

3.1 Penguasaan Penulisan Jawi dikalangan Pelajar

Berdasarkan dalam Jadual 2 di bawah, dapatan kajian menunjukkan penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis Jawi berada pada tahap baik dengan purata pelajar mendapat markah sebanyak 79 peratus berjaya menulis Jawi dengan betul daripada perkataan Rumi yang disediakan. Seramai 61 orang pelajar mendapat pencapaian sangat baik yang mana peratus betul antara 80 hingga 100 peratus yang membawa kepada 61 peratus. 23 peratus pelajar mendapat tahap pencapaian baik, manakala bagi tahap pencapaian sederhana 11 peratus. Diikuti pencapaian lemah ialah 4 peratus dan pencapaian sangat lemah iaitu 1 peratus.

Jadual 2. Tahap pencapaian pelajar bagi kemahiran menulis

| Tahap Pencapaian | Peratus (%) | Bilangan Pelajar dan Peratus Pelajar (%) |
|------------------|-------------|--|
| 1. Sangat Baik | 80 – 100 | 61 |
| 2. Baik | 60 – 79 | 23 |
| 3. Sederhana | 40 – 59 | 11 |
| 4. Lemah | 20 – 39 | 4 |
| 5. Sangat Lemah | 0 – 19 | 1 |
| Jumlah | | 100 |

3.2 Penguasaan Bacaan Jawi dikalangan Pelajar

Berdasarkan Jadual 3 di bawah, dapatan kajian menunjukkan penguasaan pelajar dalam kemahiran membaca Jawi berada pada tahap sangat baik dengan purata pelajar mendapat markah sebanyak 96 peratus berjaya membaca Jawi dengan. Seramai 93 orang pelajar mendapat pencapaian sangat baik yang mana peratus betul antara 80 hingga 100 peratus yang membawa kepada 93 peratus. Seramai 4 peratus pelajar mendapat tahap pencapaian baik, manakala bagi tahap pencapaian sederhana 2 peratus. Diikuti pencapaian sangat lemah iaitu 1 peratus. Bagi kemahiran membaca sebahagian kecil pelajar membaca dengan tidak lancar dan tersekat-sekat bacaannya.

Jadual 3. Tahap pencapaian pelajar bagi kemahiran membaca

| Tahap Pencapaian | Peratus , (%) | Bilangan Pelajar dan Peratus Pelajar, (%) |
|------------------|---------------|---|
| 1. Sangat Baik | 80 – 100 | 93 |
| 2. Baik | 60 – 79 | 4 |
| 3. Sederhana | 40 – 59 | 2 |
| 4. Lemah | 20 – 39 | 0 |
| 5. Sangat Lemah | 0 – 19 | 1 |
| Jumlah | | 100 |

3.3 Soal Selidik

Soal selidik melibatkan responden dilakukan untuk menguji tahap pengusaan mereka dalam bacaan jawi dengan membaca secara lisan beberapa ayat yang ditulis dengan tulisan jawi daripada soal selidik ini. Didapati 93 peratus pelajar daripada keseluruhan responden dapat membaca dengan betul dan baik ayat –ayat yang ditulis dengan tulisan jawi. Namun terdapat juga 1 peratus responden yang tidak dapat membaca dengan lancar atau dikategorikan sangat lemah dalam pembacaan tulisan jawi.

4. Kesimpulan

Daripada kajisclidik yang dilakukan, didapati 79 peratus daripada keseluruhan responden adalah mempunyai pencapaian yang baik dari aspek penulisan jawi. Manakala 96 peratus daripada keseluruhan responden adalah sangat baik bagi aspek pembacaan tulisan jawi. Dengan demikian, daptatan daripada kajisclidik ini juga menunjukkan bahawa pelajar UiTM Pahang juga sebenarnya dapat menguasai pembacaan dan penulisan jawi. Oleh itu, persepsi bahawa tulisan jawi dipinggirkan di kalangan pelajar generasi Y ini adalah kurang tepat dan penambahbaikan dan tindakan yang wajar perlu juga difikirkan bagi meningkatkan lagi keupayaan para pelajar menguasai dengan baik tulisan jawi serta mengelakkan ia daripada terus dipinggirkan kelak.

5. Rujukan

- Hisham Hj. Musa. (2005). *Peranan Tulisan Jawi dalam Perkembangan Islam di Malaysia*. Jurnal Pengajian Melayu, Jilid. 16.
- Abd Jalil bin Borham. (2012). *Tulisan Jawi: Tulisan Serantau*. Kertas kerja Ucaptama Seminar Tulisan Jawi dan Teknologi Peringkat Kebangsaan 2012.
- Niswa Noralina binti Abdullah & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2013). *Pengkaedahan Tulisan Jawi Lama: Analisis Terhadap Manuskip Nazam Nabi Muhammad S.A.W*. Jurnal Al-Muqaddimah, bil 1 (1) 2013, 99-110.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2007). *Penguasaan Jawi dan Hubungannya Dengan Minat dan Pencapaian Pelajar Dalam Pendidikan Islam*. Jurnal pendidik dan pendidikan, Jilid 22, 161–172, 2007.
- Hisham Hj. Musa & Adi Yasran Abdul Aziz. (2009). *Pemerkasaan Kembali Tulisan Jawi*. Jurnal ASWARA.